

24 OCT 1998

BELANJAWAN-TEBBAKAU/I

MTC KAJI IMPLIKASI KENAIKAN CUKAI ROKOK DAN TEBBAKAU

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Malaysian Tobacco Company Bhd, pengeluar rokok terbesar di negara ini menyatakan kenaikan terbaru dalam duti import bagi tembakau dan produknya dalam Belanjawan 1999 adalah wajar.

"Kami sebenarnya perlu mengkaji implikasi kenaikan cukai tersebut kepada prestasi perniagaan kami terutamanya penetapan harga produk kami," kata jurucakap syarikat apabila diminta mengulas mengenai kenaikan itu.

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam membentangkan belanjawan itu semalam telah mencadangkan duti import bagi rokok dan produk tembakau lain dinaikkan dari RM138 dan RM162 sekilogram kepada RM180 sekilogram.

Selain daripada itu, duti eksais bagi rokok buatan tempatan akan dinaikkan dari RM28.60 sekilogram kepada RM40 sekilogram.

Jurucakap itu berkata syarikat berkenaan akan mengkaji dengan teliti implikasi kenaikan cukai tersebut sama ada bebanan cukai tambahan itu perlu dipindahkan kepada pengguna atau tidak.

"Cadangan terbaru itu mempunyai kesan berganda sebenarnya. Kenaikan besar dalam duti import dan peningkatan sebanyak 80 peratus dalam duti eksais," tambahnya.

MTC menghasilkan kira-kira 21 bilion batang rokok tahun lalu dan jenama utama di bawahnya termasuklah Benson & Hedges dan Kent.

Ia mencatatkan kejatuhan 57 peratus dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 1997 kepada RM16.1 juta dari RM37.4 juta pada tahun sebelumnya berikutan penurunan dua peratus dalam perolehan kepada 525.83 juta.

Sementara itu, Dewan Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) menyatakan kenaikan cukai bagi minuman beralkohol dan tembakau mungkin memberi hasil sebaliknya kerana ia akan kurang memberi pendapatan kepada kerajaan akibat daripada jualan berkurangan dan peningkatan kegiatan penyeludupan yang tidak dapat dielakkan.

-- BERNAMA

RIZ MK ZK OS